



PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM (PDTSB)
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
SEKSYEN PENTADBIRAN, PERKHIDMATAN & KEWANGAN

MEMO ANTARA BAHAGIAN

PERKARA	GARIS PANDUAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM (PDTSB) TAHUN 2026	
DARIPADA	KPPD (KP)	SALINAN : TUAN PEGAWAI DAERAH KPPD (T) KPPD (P)
KEPADA	SEMUA PEGAWAI DAN KAKITANGAN	
RUJUKAN	PDSB/KP/01/0080 JLD 2 (4)	TARIKH: 11 SEPTEMBER 2026

Tuan/puan,

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut seperti di atas.

2. Adalah dimaklumkan, kelulusan Penambahbaikan Garis Panduan PDTSB Tahun 2026 telah dipersetujui untuk digunapakai pada 18 Ogos 2026 melalui Minit Bebas Tuan Pegawai Daerah No. Rujukan : PDSB/KP/01/0080 Jld. 2 bertarikh 6 Julai 2026 (dilampirkan). Garis Panduan yang dimaksudkan adalah seperti berikut :-

- i. Garis Panduan PDTSB Bilangan 1 Tahun 2026: Pengurusan Sewa Ruang Dan Kemudahan Di Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam;
- ii. Garis Panduan PDTSB Bilangan 2 Tahun 2026: Pengurusan Kewangan Dan Akaun Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam;
- iii. Garis Panduan PDTSB Bilangan 3 Tahun 2026: Pengurusan Kuarters Di Bawah Kawalan Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam; dan
- iv. Garis Panduan PDTSB Bilangan 4 Tahun 2026: Pengurusan Pemanduan Berhemah Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam.

3. Sehubungan dengan itu, pelaksanaan berkenaan Garis Panduan tersebut adalah berkuat kuasa **serta-merta**. Bersama-sama ini dilampirkan Garis Panduan berkenaan untuk makluman pihak tuan/puan selanjutnya dan boleh di akses secara dalam talian melalui laman portal rasmi PDTSB www.sabakbernam.selangor.gov.my.

**ARAHAN PENTADBIRAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK
BERNAM BERKAITAN PENAMBAHBAIKAN GARIS PANDUAN PEJABAT
DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM (PDTSB) TAHUN 2026**

4. Kerjasama dan perhatian pihak tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“KITASELANGOR MAJU BERSAMA”
“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



(CHRISTINA A/P MIGEEMANATHAN P.P.T)

☎ No. Sambungan: 1005

✉ E-mel : christina@selangor.gov.my



GARIS PANDUAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM BILANGAN 2 TAHUN 2026

PENGURUSAN KEWANGAN DAN AKAUN PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM (PDTSB)

TUJUAN

1. Garis Panduan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pegawai dan Kakitangan mengenai penambahbaikan terhadap pengurusan kewangan dan akaun Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam mengikut peraturan yang telah ditetapkan berasaskan prinsip perbelanjaan secara berhemat bagi menjimatkan perbelanjaan awam yang menjadi teras kepada pengurusan kewangan Kerajaan pada masa ini. Ianya juga bertujuan untuk menjadi rujukan kepada Pegawai dan Kakitangan dalam melaksanakan pengurusan kewangan dengan tepat, cekap, teratur dan berkualiti.

LATAR BELAKANG

2. Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam (PDTSB) telah mengeluarkan Garis Panduan Bilangan 2 Tahun 2026 : Pengurusan Kewangan dan Akaun. Garis Panduan ini dikeluarkan bertujuan untuk mengawal perbelanjaan Jabatan dan mengamalkan prinsip perbelanjaan secara berhemat. Justeru, bagi memantapkan lagi pengurusan kewangan, akaun dan kawalan perbelanjaan PDTSB supaya berada pada tahap yang optimum, PDTSB telah mengemaskini serta menetapkan perkara-perkara yang perlu dilaksanakan dalam Garis Panduan Bilangan 2 Tahun 2026 ini.

PELAKSANAAN

A. KEWANGAN & AKAUN

1. TUNTUTAN ELAUN KERJA LEBIH MASA

1.1 Tuntutan Elaun Lebih Masa hendaklah menggunakan Format **Penyata Tuntutan Elaun Lebih Masa (Manual / Sistem HRMIS)**. Berikut ialah perkara-perkara yang berkaitan dengan Tuntutan Elaun Lebih Masa

1.1.1 **Memo Arahan Kerja Lebih Masa** – Memo Arahan Kerja Lebih Masa perlu dikeluarkan sebelum melaksanakan kerja lebih masa.

1.1.2 **Perakuan Ketua Jabatan** – Tuntutan Elaun Lebih Masa hendaklah diperakui oleh Pegawai Daerah/ Ketua Bahagian/ Ketua Unit/ Penyelia.

1.1.3 **Pengesahan Ketua Jabatan** - Tuntutan yang melebihi 1/3 daripada gaji pokok hendaklah disahkan oleh Pegawai Daerah atau Ketua Penolong Pegawai Daerah yang diberi kuasa.

1.2 Tempoh minimum yang melayakkan pegawai untuk menuntut elaun lebih masa adalah **1 jam**. Pengiraan bagi tuntutan kerja lebih masa adalah secara penggenapan sukuan iaitu 15 minit, 30 minit, 45 minit. Jumlah jam akan diambil kira berdasarkan kiraan masa 15 minit sebelum yang terhampir. Contoh pengiraan elaun lebih masa adalah seperti berikut:

i) **Contoh 1 :**

Masa bekerja	7.35 pagi - 4.35 petang (9 jam)
Masa pada <i>punch card</i>	7.35 pagi - 6.10 petang
Pengiraan elaun lebih masa	4.45 petang – 6.00 petang

Pegawai layak untuk menuntut elaun lebih masa untuk tempoh satu (1) jam dan 15 minit.

ii) **Contoh 2 :**

Masa bekerja	7.30 pagi - 4.30 petang (9 jam)
Masa pada <i>punch card</i>	4.10 pagi - 6.40 petang
Pengiraan elaun lebih masa	4.15 pagi - 7.30 pagi 4.30 petang - 6.30 petang

Pegawai layak untuk menuntut elaun lebih masa untuk tempoh lima (5) jam dan 15 minit.

1.3 Pengiraan jumlah jam elaun lebih masa yang ditetapkan untuk semua pegawai yang layak menuntut adalah seperti berikut

Masa Bekerja Lebih Masa	Jam Ditolak
≥6 jam	0.50 (30 minit)
≥8 jam	1.0 (1 jam)
≥12 jam	1.50 (1 jam 30 minit)
≥16 jam	2.0 (2 jam)

1.4 Bagi pegawai yang terlibat sebagai urusetia kursus atau program/ majlis rasmi anjuran Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam, sila sertakan jadual kursus atau program/ majlis rasmi sebagai dokumen sokongan. Elaun lebih masa akan dibayar berdasarkan jam bertugas seperti di jadual.

- 1.5 Pembantu Khidmat Am yang menjalankan tugas sebagai pemandu kenderaan yang diarah bekerja lebih masa di luar pejabat adalah layak menuntut ELM termasuk masa dalam perjalanan kerana tugas memandu merupakan tugas hakiki sebagai pemandu.

Rujukan: Ceraian MyPPSM_SSPA - ELM

- 1.6 Pegawai yang sedang menanggung kerja layak membuat tuntutan ELM bagi tugas yang dilaksanakan **selepas dua (2) jam 15 minit** dari waktu bekerja pejabat. Peraturan ini ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 17 Tahun 2007.

- 1.7 Pegawai-pegawai yang menuntut bayaran ELM hendaklah mengemukakan dokumen sokongan yang lengkap dan telah disahkan '**SALINAN BENAR DARIPADA YANG ASAL**' oleh Pegawai Daerah/ Ketua Bahagian/ Ketua Unit/ Penyelia yang diberi kuasa seperti berikut:

- i. Borang tuntutan melalui borang manual / Human Resource Management Information System (HRMIS) yang lengkap dan ditandatangani;
- ii. Salinan penyata kehadiran – Sistem Biometrik/ Kad Perakam Waktu;
- iii. Salinan penyata gaji yang sama dengan bulan tuntutan;
- iv. Surat arahan rasmi kerja lebih masa;
- v. Salinan Akaun Bank;
- vi. Salinan Buku Log Kenderaan bagi pemandu kenderaan;
- vii. Salinan jadual tugas giliran bagi Pembantu Keselamatan/ Pembantu Penguatkuasa; dan
- viii. Salinan surat pelantikan urus setia dan jadual bertugas (atur cara/ agenda program) sebagai urus setia mesyuarat, kursus atau program.
- ix. Salinan Buku Log Harian **LAMPIRAN A** (Jika Berkenaan)
- x. Jadual Bulanan Tugasan Kerja Lebih Masa **LAMPIRAN B** (Jika Berkenaan)

- 1.8 Tuntutan elaun kerja lebih masa hendaklah dikemukakan kepada Unit Kewangan sebelum atau pada **10hb pada setiap bulan**. Tuntutan yang dihantar selepas tarikh tersebut perlu mengemukakan kelulusan kelewatan menghantar tuntutan yang diluluskan oleh Pegawai Daerah seperti di **LAMPIRAN 1**.

- 1.9 Pegawai yang diarah kerja lebih masa adalah layak dipertimbangkan ELM kecuali ;

- i. Pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi;
- ii. Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional;

- 1.10 Pegawai yang tidak layak dibayar ELM/ Bayaran Khas Lain, pegawai boleh menuntut Cuti Gantian (CG) kerana dipanggil bertugas lebih masa. Ketua

Jabatan boleh dengan budi bicaranya memberi CG kepada pegawai tertakluk kepada kepentingan awam/ kepentingan perkhidmatan. Sembilan (9) jam kerja lebih masa (tidak termasuk waktu rehat) adalah bersamaan dengan satu (1) hari CG. Tempoh sah laku CG adalah dalam tempoh 6 bulan setelah diluluskan oleh Ketua Jabatan.

2. TUNTUTAN PERJALANAN BERTUGAS RASMI DALAM NEGERI

- 2.1 Tuntutan Perjalanan Bertugas Dalam Negeri hendaklah dibuat secara **Digital melalui Sistem HRMIS** dan pengesahan tuntutan diperakui oleh Pegawai Daerah/ Ketua Bahagian/ Ketua Unit/ Penyelia.
- 2.2 Setiap tuntutan yang mempunyai tuntutan tol dan parkir perlu mengemukakan Penyata Touch & Go / RFID / VISA yang **memaparkan nama pegawai**.
- 2.3 Bagi tuntutan perjalanan yang dikemukakan oleh Pembantu Khidmat Am yang menjalankan tugas sebagai pemandu kenderaan, salinan buku log kenderaan hendaklah disertakan bersama.
- 2.4 Bagi tuntutan yang melibatkan rawatan luar stesen perlu mengemukakan **surat rujukan hospital pada setiap kali tuntutan**.
- 2.5 Semua tuntutan perjalanan berserta dokumen sokongan hendaklah disahkan oleh Pegawai Daerah/ Ketua Bahagian/ Ketua Unit/ Penyelia. Tuntutan yang telah disahkan hendaklah dihantar ke Unit Kewangan sebelum atau pada **10hb bulan berikutnya**. Tuntutan yang tidak lengkap akan **DIKUIRI**.
- 2.6 Sekiranya tuntutan dihantar lewat dari 10hb bulan berikutnya, pegawai perlu mengemukakan kelulusan kelewatan menghantar tuntutan yang diluluskan oleh Pegawai Daerah seperti di **LAMPIRAN 1**. Kelulusan yang diberi hendaklah berpandukan kepada Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan (Rujuk Garis Panduan Asas Pertimbangan Kelulusan Khas Pengecualian Arahan Perbendaharaan AP100(a))
- 2.7 Elaun Perjalanan Kenderaan
 - 2.7.1 Kaedah penetapan jarak terdekat hendaklah menggunakan kaedah navigasi/ penentuan arah perjalanan lazim aplikasi *Google Maps*.

“Tiap-tiap pegawai yang terpaksa berjalan atas urusan rasmi, termasuk pertukaran, adalah diberi kemudahan tambang percuma bagi perjalanan **mengikut jalan yang sehabis dekat** dan murah dan dengan cara pengangkutan yang bersesuaian dengan kecekapan. Seseorang pegawai boleh dikehendaki oleh Ketua Jabatannya menaiki kapal terbang bila ini adalah lebih murah dan cepat dari satu tempat ke satu tempat yang tertentu”

Rujukan: Perintah-Perintah Am Bab B para 19(a)

2.7.2 Pegawai adalah bertanggungjawab memastikan tuntutan yang dikemukakan adalah teratur, munasabah, berpatutan dan mematuhi peraturan yang berkuat kuasa.

2.7.3 Tuntutan perjalanan rasmi (jarak perbatuan) hendaklah disertakan dengan salinan tangkapan skrin (*screenshot*) *Google Maps* untuk menentukan jarak perbatuan yang tepat dari rumah/ pejabat ke destinasi. Jarak yang digunakan mestilah merujuk kepada pilihan jalan terdekat, munasabah dan menggunakan laluan lazim.

Panduan :-

- a) Pergi ke laman web <http://maps.google.com.my>
- b) Klik pada '*Get Direction*' (*by car*)
- c) Isi ruangan A dan B
 - A – nama tempat: dari mana
 - B – nama tempat : ke mana
 - Contoh: A = Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam
B = Pejabat SUK Shah Alam
- d) Klik pada '*Get Direction*' semula
- e) Pilihan jalan akan dipaparkan

2.7.4 Kiraan jarak adalah berdasarkan jarak terdekat ke tempat bertugas rasmi sahaja (pergi dan balik) seperti ketetapan berikut ;

- a) Dalam Waktu Bekerja :
Dikira dari/ ke pejabat (pergi dan balik); atau dari/ ke rumah (jika jarak lebih dekat)
- b) Luar waktu bekerja/ hari rehat/ kelepasan mingguan/ am :
Dikira dari/ ke rumah (pergi dan balik)

2.7.5 Tuntutan Elaun Perjalanan Kenderaan dari kemudahan penginapan/ lokasi lojing ke tempat bertugas rasmi berdasarkan jarak perjalanan, terhad hingga 25 km sehala sahaja.

2.7.6 Seseorang pegawai yang menggunakan kenderaan yang disediakan oleh Kerajaan atau Penganjur semasa menjalankan tugas rasmi tidak layak menuntut Elaun Perjalanan Kenderaan. Namun, sekiranya pegawai masih berhasrat membawa kenderaan sendiri, maka tiada sebarang tuntutan bayaran dibenarkan.

2.7.7 Pegawai adalah digalakkan menggunakan **kenderaan Jabatan atau berkongsi kenderaan (*car pool*)** bagi mengoptimumkan perbelanjaan. Walau bagaimanapun, hanya pegawai yang membawa kenderaan tersebut sahaja layak membuat tuntutan Elaun Perjalanan Kenderaan.

2.7.8 Seseorang pegawai yang menggunakan kenderaan sendiri bagi menjalankan tugas rasmi sama ada di dalam atau di luar Ibu

Pejabatnya adalah layak menuntut Elaun Perjalanan Kenderaan mengikut kadar seperti berikut;

Jarak Perjalanan Bertugas Rasmi Bagi Tiap-Tiap Satu Bulan (sen/km)	Kadar Mengikut Jenis Kenderaan (sen/km)	
	Kereta	Motosikal
500 kilometer pertama	1.00	0.65
501 kilometer dan seterusnya	0.90	0.55

2.7.9 Tarikh dan masa perjalanan tugas rasmi perlu dicatatkan dengan tepat dan jelas di dalam kenyataan tuntutan. Lokasi tempat bertolak, lokasi tempat dituju, tujuan perjalanan, lain-lain tuntutan seperti caj/ bayaran parkir,caj/ bayaran tol, elaun makan, tuntutan bayaran sewa penginapan hendaklah dinyatakan dengan lengkap.

2.7.10 Tugas yang melibatkan badan sosial/ sukarela/ sukan/ aktiviti sosial, aktiviti keagamaan dan sebagainya seperti PERKEP, MAKSAK, PUSPANITA dan sebagainya adalah tertakluk di bawah Surat Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2018 dan tidak boleh dianggap sebagai tugas rasmi bagi maksud kelayakan membuat tuntutan elaun bertugas rasmi di bawah PP WP1.4.

Rujukan: Soalan Lazim Pekeliling Perbendaharaan Jilid 1/ 2021

2.8 Elaun Makan

2.8.1 Syarat Kelayakan Tuntutan Elaun Makan

- Seseorang pegawai yang menjalankan tugas rasmi di luar Ibu Pejabat layak menuntut satu (1) Elaun Makan bagi setiap tempoh 24 jam secara berterusan yang dikira bermula dari waktu bertolak hingga waktu tiba di pejabat/ rumah pegawai setelah selesai bertugas rasmi.
- Sekiranya waktu bertolak melebihi 24 jam sebelum waktu tugas rasmi bermula, tempoh maksimum yang boleh diambil kira untuk kelayakan Elaun Makan adalah 24 jam sebelum bermulanya tugas rasmi tersebut.
- Sekiranya waktu pulang ke pejabat/ Rumah Pegawai setelah selesai bertugas rasmi melebihi 24 jam, tempoh maksimum yang boleh diambil kira untuk kelayakan Elaun Makan adalah 24 jam setelah selesai tugas rasmi tersebut.
- Kemudahan makan minum tidak disediakan oleh Kerajaan atau penganjur dalam tempoh kelayakan Elaun Makan tersebut, iaitu setiap 24 jam untuk kelayakan satu (1) Elaun Makan.

- e) Kadar Kelayakan Elaun Makan mengikut gred adalah seperti berikut :

Gred	Semenanjung Malaysia (RM)	Sabah/ Sarawak/ WP Labuan (RM)
Utama/Khas 'A' dan ke atas	115.00	165.00
Utama/Khas 'B' dan 'C'	100.00	130.00
14 dan 15	85.00	115.00
11 hingga 13	60.00	80.00
9 hingga 10	45.00	65.00
1 hingga 8	40.00	55.00

Rujukan: Pekeliling Perbendaharaan W.P 1.4/ 01012026

2.8.2 Hilang Kelayakan Tuntutan Elaun Makan

- Elaun makan tidak layak dituntut untuk masa bertugas yang melebihi tiga (3) bulan terus-menerus termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am.
- Elaun makan tidak layak dituntut sekiranya penganjur menyediakan elaun dan kemudahan dalam bentuk wang bagi menampung perbelanjaan makan tersebut, maka pegawai layak menuntut perbezaannya.
- Elaun makan tidak layak dituntut jika kemudahan makan disediakan oleh Kerajaan atau Penganjur. Sekiranya sebahagian daripada kemudahan makan minum disediakan, pegawai hanya layak menuntut bahagian makan yang tidak disediakan berdasarkan kadar seperti berikut;

Bahagian Makan yang Tidak Disediakan			Kelayakan Tuntutan Bahagian Elaun Makan	Kadar
Sarapan dan/atau Minum Pagi	Sarapan	Minum Pagi		
	Ada	Ada	Tidak Layak	20% daripada Elaun Makan
	Ada	Tiada	Tidak Layak	
	Tiada	Ada	Tidak Layak	
	Tiada	Tiada	Layak	
Makan Tengah Hari dan/atau Minum Petang	Makan Tengah Hari	Minum Petang		
	Ada	Ada	Tidak Layak	40% daripada Elaun Makan
	Ada	Tiada	Tidak Layak	
	Tiada	Ada	Tidak Layak	
	Tiada	Tiada	Layak	
Makan	Makan	Makan		

Malam dan/ atau Makan Lewat Malam	Malam	Lewat Malam		
	Ada	Ada	Tidak Layak	40% daripada Elaun Makan
	Ada	Tiada	Tidak Layak	
	Tiada	Ada	Tidak Layak	
	Tiada	Tiada	Layak	

2.9 Elaun Harian

2.9.1 Seseorang pegawai yang menjalankan tugas rasmi di luar ibu Pejabatnya (**melebihi 25 KM**) bagi tempoh melebihi lapan (8) jam tetapi kurang dari 24 jam dan tidak disediakan kemudahan makan tengahari adalah layak menuntut Elaun Harian.

Perkiraannya adalah : ½ daripada Elaun Makan

Rujukan: Soalan Lazim Pekeliling Perbendaharaan Jilid 1/ 2021

2.9.2 Seseorang pegawai yang menjalankan tugas rasmi semasa bulan Ramadhan layak menuntut Elaun Makan/ Elaun Harian seperti bulan-bulan lain tertakluk mematuhi syarat yang ditetapkan.

Rujukan: Soalan Lazim Pekeliling Perbendaharaan Jilid 1/ 2021

2.10 Kemudahan Penginapan

2.10.1 Seseorang pegawai yang menjalankan tugas rasmi di luar Ibu Pejabatnya dan perlu menginap layak menuntut Bayaran Sewa Penginapan disokong dengan resit/ bukti pembayaran tertakluk kepada had maksimumnya atau Elaun Lojing mengikut kadar seperti berikut;

a) Semenanjung Malaysia

Gred	Sewa Hotel (Maksimum) (RM)	Elaun Lojing (RM)
Utama/Khas 'A' dan ke atas	Sebenar (Standard Suite)	100.00
Utama/Khas 'B' dan 'C'	Sebenar (Bilik Superior)	100.00
14 dan 15	Sebenar (Bilik Biasa)	100.00
11 hingga 13	240.00	100.00
9 dan 10	220.00	100.00
1 hingga 8	200.00	100.00

b) Sabah/ Sarawak/ WP Labuan

Gred	Sewa Hotel (Maksimum) (RM)	Elaun Lojing (RM)
Utama/Khas 'A' dan ke atas	Sebenar (Standard Suite)	120.00
Utama/Khas 'B' dan 'C'	Sebenar (Bilik Superior)	120.00
14 dan 15	Sebenar (Bilik Biasa)	120.00
11 hingga 13	270.00	120.00
9 dan 10	250.00	120.00
1 hingga 8	230.00	120.00

Rujukan: Pekeliling Perbendaharaan W.P 1.4/ 01012026
Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024

- 2.10.2 Tuntutan Bayaran Sewa Hotel bagi pegawai-pegawai hendaklah berpatutan dan munasabah.
- 2.10.3 Bayaran Sewa Penginapan tidak boleh dibayar untuk masa bertugas yang melebihi 3 bulan terus menerus termasuk hari kelepasan am dan mingguan.
- 2.10.4 Seseorang pegawai layak menuntut bayaran perkhidmatan, cukai, caj, fi dan/atau apa-apa bayaran yang wajib ke atas kemudahan penginapan sebagai tambahan kepada kadar maksimum kelayakannya.
- 2.10.5 Seseorang pegawai tidak layak menuntut Bayaran Sewa Penginapan atau Elaun Lojing jika tempat penginapan disediakan oleh pihak Kerajaan atau Penganjur.
- 2.10.6 Lokasi penginapan semasa bertugas rasmi hendaklah tidak melebihi 25km dari tempat bertugas rasmi kecuali tiada kemudahan penginapan dalam lingkungan 25km dari tempat bertugas rasmi. Kelayakan tuntutan Elaun Perjalanan Kenderaan terhad kepada 25km sehala sahaja.
- 2.10.7 **Jadual program sepanjang tugas rasmi** tersebut **perlu disertakan** bersama tuntutan.
- 2.10.8 Seseorang pegawai hanya dibenarkan menuntut bayaran sewa penginapan atau lojing bagi sehari sebelum **atau** sehari selepas urusan tugas rasmi. Sekiranya pegawai ada keperluan untuk menginap sehari sebelum dan sehari selepas urusan tugas rasmi,

pegawai hendaklah mendapatkan kelulusan Pegawai Daerah terlebih dahulu.

a) Semenanjung Malaysia

Tempoh Perjalanan	Waktu Tugas Rasmi / Kursus	Perjalanan Yang Disyorkan	Tuntutan Yang Dibenarkan
≤5 jam	8.00 pagi – 4.30 petang	Perjalanan bermula sehari sebelum tugas rasmi/kursus bermula	Tuntutan perjalanan dan penginapan bermula sehari sebelum tugas rasmi
≤5 jam	2.00 petang – 4.30 petang	Perjalanan bermula waktu pagi pada tarikh tugas rasmi/kursus	Tuntutan perjalanan sahaja
≤5 jam	Tamat selepas 4.30 petang	Perjalanan pulang bermula keesokkan pagi	Tuntutan perjalanan dan penginapan bermula sehari selepas tugas rasmi
≥5 jam	-	Perjalanan bermula sehari sebelum tugas rasmi/kursus bermula	Tuntutan perjalanan dan penginapan bermula sehari sebelum tugas rasmi
≥5 jam	Tamat sebelum 2.00 petang	Perjalanan pulang pada hari terakhir tugas rasmi/kursus	Tuntutan perjalanan dan penginapan bermula sehari sebelum tugas rasmi, tiada tuntutan penginapan sehari selepas tugas rasmi dibenarkan
≥5 jam	Tamat selepas 4.30 petang	Perjalanan pulang bermula pada keesokkan pagi	Tuntutan perjalanan dan penginapan bermula sehari sebelum dan selepas tugas rasmi

b) Sabah/ Sarawak/ WP Labuan

Waktu Tugas Rasmi / Kursus	Perjalanan Yang Disyorkan	Tuntutan Yang Dibenarkan
Bermula 8.00 pagi dan ke atas	Perjalanan bermula sehari sebelum tugas rasmi/kursus bermula	Tuntutan perjalanan, tiket kapal terbang dan penginapan bermula sehari sebelum tugas rasmi
Tamat sebelum 2.00 petang	Perjalanan pulang pada hari terakhir tugas rasmi/kursus	Tiada tuntutan penginapan sehari selepas tugas rasmi dibenarkan
Tamat selepas 4.30 petang	Perjalanan pulang bermula pada keesokkan pagi	Tuntutan penginapan sehari selepas tugas rasmi dibenarkan

* Perjalanan dan tiket kapal terbang bagi tugas rasmi di Sabah, Sarawak dan WP Labuan adalah tertakluk kepada ketersediaan tiket pada tarikh tugas rasmi.

2.10.9 Penyediaan Kemudahan penginapan secara Pesanan Kerajaan (PK) disediakan kepada pegawai yang bertugas rasmi/ berkursus di luar Ibu Pejabat dan perlu menginap. Syarat menginap minimum adalah seperti berikut:

a) Individu (berseorangan) :

Pegawai perlu menginap di luar kawasan Ibu Pejabat tidak kurang daripada tiga (3) malam berturut-turut. Walau bagaimanapun, peraturan ini dikecualikan sekiranya penganjur mengenakan syarat penggunaan Pesanan Kerajaan.

b) Berkumpulan (Sekurang-kurangnya 2 orang) :

Tiada had minimum bermalam ditetapkan.

3. TUNTUTAN PERJALANAN BERKURSUS DI DALAM NEGERI

3.1 Tuntutan Perjalanan Berkursus Dalam Negeri juga hendaklah dibuat secara Digital melalui Sistem HRMIS dan pengesahan tuntutan diperakui oleh Pegawai Daerah/ Ketua Bahagian/ Ketua Unit/ Penyelia.

3.2 Seorang pegawai yang diarahkan/diluluskan untuk menghadiri Kursus Jangka Pendek Sepenuh Masa di dalam negeri layak menuntut kemudahan seolah-olah menjalankan tugas rasmi.

3.3 Kadar Elaun Makan, Elaun Harian, Bayaran Sewa Penginapan dan Elaun Lojing menghadiri Kursus Jangka Pendek Sepenuh Masa di dalam negeri adalah sebagaimana kelayakan pegawai yang melaksanakan tugas rasmi.

3.4 Syarat Elaun Perjalanan Kenderaan dan tambang pengangkutan awam yang menghadiri Kursus Jangka Pendek Sepenuh Masa di luar ibu pejabat adalah seperti berikut;

3.4.1 Perjalanan pergi balik dari rumah kediaman ke pusat pengajian (tempat latihan/ kursus) sekali sahaja sekiranya penginapan disediakan; dan

3.4.2 Sekiranya tempat penginapan tidak disediakan atau tiada keperluan untuk bermalam, jumlah perjalanan pergi balik dari rumah kediaman ke pusat pengajian (tempat latihan/ kursus) adalah sekali sehari tidak melebihi 6 hari.

3.4.3 Jadual program sepanjang tempoh berkursus perlu dilampirkan bersama tuntutan.

4. TUNTUTAN BAYARAN SAGU HATI PENCERAMAH/ FASILITATOR SAMBILAN

4.1 Penceramah Luar Kursus Anjuran Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam;

4.1.1 Tuntutan bagi penceramah luar yang dilantik menjadi Penceramah/ Fasilitator bagi Kursus Anjuran PDT Sabak Bernam hendaklah menggunakan Borang Tuntutan Penceramah/Fasilitator seperti di **LAMPIRAN 2 (A) dan (B)** atau borang yang dijana melalui **sistem HRMIS** bagi penjawat awam serta disokong mengikut ketetapan berikut:-

- i) Bahagian F - ditandatangani oleh Ketua Jabatan Kementerian /Jabatan /Agensi pemohon
- ii) Bahagian G - ditandatangani dan diluluskan oleh Ketua Jabatan (Pegawai Daerah) atau Ketua Penolong Pegawai Daerah (KP)

4.1.2 Borang Tuntutan Penceramah/ Fasilitator bagi Penceramah Luar yang dilantik sebagai penceramah/ fasilitator perlu dikemukakan ke Bahagian Khidmat Pengurusan dan dilengkapi dengan dokumen sokongan sebelum ditandatangani oleh Pegawai Daerah/ Ketua Penolong Pegawai Daerah (KP). Borang yang lengkap dan telah ditandatangani oleh Pegawai Daerah/ Ketua Penolong Pegawai Daerah (KP) hendaklah dihantar ke Unit Kewangan untuk proses bayaran.

4.2 Kadar Tuntutan Bayaran Sagu hati Penceramah/Fasilitator Sambilan;

4.2.1 Kelayakan bayaran sagu hati adalah berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan W.P 1.8 berkuat kuasa 1 Julai 2026.

Kumpulan Perkhidmatan	Kadar bayaran sagu hati untuk tempoh satu (1) jam		Kadar bayaran sagu hati untuk setiap 30 minit selepas tempoh satu (1) jam	
	Penceramah Sambilan	Fasilitator Sambilan	Penceramah Sambilan	Fasilitator Sambilan
Kumpulan Pengurusan Tertinggi	RM300.00	RM100.00	RM150.00	RM50.00
Kumpulan Pengurusan & Profesional Gred 14 – 15 atau setara	RM200.00	RM100.00	RM100.00	RM50.00
Kumpulan Pengurusan & Profesional Gred 11 – 13 atau setara	RM150.00	RM90.00	RM75.00	RM45.00
Kumpulan Pengurusan & Profesional Gred 9 – 10 atau setara	RM120.00	RM80.00	RM60.00	RM40.00
Kumpulan Pelaksana	RM80.00	RM60.00	RM40.00	RM30.00

4.2.2 Jumlah besar tuntutan tidak boleh melebihi $\frac{1}{2}$ gaji pokok termasuk elaun memangku penceramah.

4.3 Dokumen sokongan yang diperlukan dalam membuat pembayaran Saguhati Penceramah/ Fasilitator hendaklah disahkan '**SALINAN BENAR DARIPADA YANG ASAL**' seperti berikut :-

- i. Borang tuntutan melalui borang manual / Human Resource Management Information System (HRMIS) yang lengkap dan ditandatangani;
- ii. Salinan Kad Pengenalan
- iii. Salinan slip gaji terkini
- iv. Salinan akaun bank
- v. Salinan surat panggilan/ jemputan/ lantikan sebagai penceramah/ fasilitator bagi bengkel/ kursus/ taklimat.
- vi. Jadual/ aturcara bengkel/ kursus/ taklimat.

5. PANJAR WANG RUNCIT

5.1 Panjar Wang Runcit adalah pembayaran yang segera iaitu perbelanjaan tidak berkala dan tidak dirancang atau perbelanjaan runcit iaitu pembelian yang dibenarkan dalam kuantiti kecil yang tidak praktikal untuk membuat pembelian melalui Pesanan Kerajaan. Selaras dengan AP97(d) pembayaran tidak melebihi RM500.00 bagi setiap bil.

5.2 Pembelian panjar wang runcit adalah untuk pembelian di bawah peruntukan Objek Am 20000 dan tidak dijeniskan sebagai Aset (Harta Modal dan Aset Bernilai Rendah di bawah peruntukan Objek Am 30000).

5.3 Sekiranya bekalan atau perkhidmatan telah dirancang dan perbelanjaannya telah diambil kira dalam Buku Bajet Tahunan Jabatan, maka bekalan atau perkhidmatan tersebut hendaklah dibeli melalui Pesanan Kerajaan, pengecualian hanya bagi kes segera atau kecemasan sahaja. Ini bermakna perbelanjaan tersebut tidak berulang-ulang setiap bulan dan menjadi amalan pembayaran melalui PWR.

Rujukan : SPANM Bil. 2 Tahun 2021 - Tatacara Pengurusan Panjar

5.4 Perbelanjaan yang tidak dibenarkan adalah seperti berikut;

- i. Pembelian barang-barang yang terdapat dalam "Senarai Stok" (item stok sedia ada) Stor Utama KECUALI disahkan oleh pihak Stor Utama bahawa item tersebut telah kehabisan stok pada masa ianya diperlukan oleh pengguna;
- ii. Pembelian minyak kenderaan KECUALI kad inden minyak bermasalah atau tidak boleh digunakan;
- iii. Tuntutan perjalanan kakitangan;
- iv. Tuntutan perubatan;
- v. Mana-mana tuntutan/ pembelian yang tidak munasabah menggunakan panjar wang runcit.

- 5.5 Borang Permohonan Pembelian Melalui Panjar Wang Runcit seperti di **LAMPIRAN 3** hendaklah diisi dengan lengkap berserta justifikasi dan dokumen sokongan (jika berkaitan). Borang permohonan hendaklah ditandatangani oleh pegawai (pemohon) dan disokong oleh Ketua Bahagian/ Ketua Unit.
- 5.6 Permohonan harus dikemukakan ke Unit Kewangan selewat-lewatnya **3 hari bekerja** sebelum pembelian dilaksanakan.
- 5.7 Sekiranya melibatkan pembelian kecemasan, sila maklumkan kepada Ketua Bahagian/ Ketua Unit terlebih dahulu untuk makluman awal Unit Kewangan.

6. WARAN PERJALANAN UDARA AWAM

- 6.1 Borang Tempahan Tiket Kapal Terbang seperti di **LAMPIRAN 4** hendaklah diisi dengan lengkap berserta dokumen sokongan seperti salinan kad pengenalan & arahan bertugas rasmi. Pemohon perlu mendapatkan kelulusan Ketua Jabatan (Pegawai Daerah) sebelum dihantar ke Unit Kewangan. Hanya permohonan yang lengkap akan diproses.
- 6.2 Permohonan harus dikemukakan ke Unit Kewangan selewat-lewatnya **5 hari bekerja** sebelum tarikh penerbangan. Sekiranya terdapat arahan bertugas rasmi yang lewat diterima, sila maklumkan kepada Ketua Bahagian/ Ketua Unit terlebih dahulu untuk makluman awal Unit Kewangan.
- 6.3 Kelayakan tempat duduk penerbangan untuk perjalanan domestik adalah seperti berikut:

Gred Jawatan	Gred SSPA	Kelas Penerbangan
53 dan ke atas	14 dan ke atas	Perniagaan
52 dan ke bawah	13 dan ke bawah	Ekonomi

Rujukan: Pekeliling Perbendaharaan W.P 2.5/ 01042020

- 6.4 Bagi tujuan permohonan berkunjung ke wilayah asal, pemohon perlu memastikan kelulusan mengunjungi wilayah asal diperolehi sebelum menghantar Borang Tempahan Tiket Kapal Terbang ke Unit Kewangan dan perlu mematuhi tempoh masa permohonan yang ditetapkan.

7. TUNTUTAN BAYARAN BALIK KEMUDAHAN ALAT KOMUNIKASI MUDAH ALIH DAN/ ATAU CAJ PENGGUNAAN BULANAN BAGI KEGUNAAN RASMI

- 7.1 Pegawai dan kakitangan yang diluluskan bagi kemudahan caj penggunaan bulanan hendaklah menguruskan sendiri langganan jalur lebar/ pelan data dengan syarikat telekomunikasi tertakluk kepada ketetapan WP2.2 - Peraturan Mengenai Kemudahan Alat Komunikasi Mudah Alih (Berkuat kuasa mulai 1 Mac 2025).

- 7.2 Pegawai dan kakitangan yang berkenaan hendaklah membayar dahulu bil telefon masing-masing dan membuat tuntutan bayaran balik dan disokong dengan resit bayaran dan bil terperinci yang disahkan atas urusan rasmi Kerajaan.
- 7.3 Semua pegawai dan kakitangan yang berkenaan dikehendaki menyelesaikan bil telefon masing-masing dan tidak membiarkan akaun dalam status tertunggak. Hanya bil telefon semasa (caj semasa) akan diluluskan pembayaran. Pegawai juga diminta untuk membuat pembayaran amaun yang tepat seperti tercatat di dalam bil.
- 7.4 Semua pegawai dan kakitangan hendaklah memastikan permohonan tuntutan bayaran balik caj bulanan kemudahan alat komunikasi mudah alih dikemukakan dalam **tempoh 30 hari daripada tarikh bil semasa**. Sekiranya tuntutan dihantar lewat dari tempoh yang ditetapkan, pegawai perlu mengemukakan kelulusan kelewatan menghantar tuntutan yang diluluskan oleh Pegawai Daerah seperti di **LAMPIRAN 1**.
- 7.5 Borang Tuntutan Bantuan Pembelian Alat Komunikasi Mudah Alih seperti di **LAMPIRAN 5** hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Khidmat Pengurusan terlebih dahulu bagi tujuan pengesahan kelayakan pegawai dan pengeluaran Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew. 8). Pegawai juga hendaklah mengemukakan bersama dokumen-dokumen sokongan yang ditetapkan iaitu resit pembelian/ bukti pembayaran atas nama pegawai yang menuntut.
- 7.6 Manakala, Borang Tuntutan Caj Bulanan Alat Komunikasi Mudah Alih seperti di **LAMPIRAN 6** hendaklah dikemukakan terus kepada Unit Kewangan bagi proses pembayaran. Pegawai dan Kakitangan juga hendaklah mengemukakan bersama dokumen-dokumen sokongan yang ditetapkan iaitu bil bulanan dan resit pembayaran bil yang telah disahkan.

8. TUNTUTAN BAYARAN BALIK KEMUDAHAN BEKALAN KASUT

- 8.1 Merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 2.3; Peraturan Bekalan Pakaian Seragam Serta Kemudahan dan Kadar Bekalan Kasut Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam adalah dibenarkan untuk membuat perolehan sendiri kasut dan membuat tuntutan bayaran balik yang disokong dengan resit akan menerima pembayaran tuntutan bayaran balik secara terus ke dalam akaun pegawai yang layak dengan kadar maksimum setahun.
- 8.2 Pegawai dan kakitangan yang layak membeli kasut adalah mengikut kelayakan seperti berikut:
- i. kasut kulit - maksimum RM150 sepasang; atau
 - ii. kasut/ boot keselamatan kulit - maksimum RM250 sepasang.

- 8.3 Borang Tuntutan Kemudahan Bekalan Pakaian Seragam (Bekalan Kasut) seperti di **LAMPIRAN 7** hendaklah dikemukakan terus kepada Unit Kewangan bagi proses pembayaran. Pegawai dan Kakitangan juga hendaklah mengemukakan bersama dokumen-dokumen sokongan yang ditetapkan iaitu **resit rasmi asal bercetak** yang menunjukkan pembelian dan **salinan akaun bank** yang telah disahkan.

9. TUNTUTAN BAYARAN PAKAIAN ISTIADAT, BANTUAN BAYARAN PAKAIAN BLACK TIE DAN BAYARAN PAKAIAN MENGHADIRI UPACARA RASMI

- 9.1 Borang Tuntutan Bayaran Pakaian Istiadat, Bantuan Bayaran Pakaian Black Tie Dan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi seperti di **LAMPIRAN 8** hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Khidmat Pengurusan terlebih dahulu bagi tujuan pengesahan kelayakan pegawai dan pengeluaran Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew. 8). Pegawai juga hendaklah mengemukakan bersama dokumen-dokumen sokongan yang ditetapkan iaitu resit pembelian/ bukti pembayaran atas nama pegawai yang menuntut.
- 9.2 Pegawai Perkhidmatan Awam yang mempunyai Pakaian Istiadat layak diberi Bayaran Pakaian Istiadat dan boleh memilih untuk menggantikannya dengan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi.
- 9.3 Pegawai Perkhidmatan Awam yang tidak mempunyai Pakaian Istiadat dan dikehendaki menghadiri upacara rasmi untuk menerima bintang atau pingat dalam Majlis-majlis Istiadat Pengurniaan Bintang dan Pingat sama ada di peringkat Persekutuan atau Negeri layak diberi Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi.
- 9.4 Pasangan kepada Pegawai Perkhidmatan Awam yang turut hadir dalam Majlis- majlis Istiadat Pengurniaan Bintang dan Pingat sama ada di peringkat Persekutuan atau Negeri layak diberi Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi.
- 9.5 Pegawai Perkhidmatan Awam Gred 9 dan ke atas dan Kumpulan Pelaksana Gred 5 hingga Gred 8 yang diarah bertugas di Parlimen atau Dewan Undangan Negeri sebagai Petugas Harian layak diberi Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi.
- 9.6 Pegawai Perkhidmatan Awam yang dikehendaki memakai Pakaian Istiadat semasa menghadiri upacara rasmi layak diberi Bantuan Bayaran Pakaian Black Tie.
- 9.7 Kadar bagi Bayaran Pakaian Istiadat, Bantuan Bayaran Pakaian Black Tie dan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi adalah seperti berikut:

Bil	Kemudahan	Jenis Pakaian	Kadar (RM)
1.	Bayaran Pakaian Istiadat	Pakaian Siang dan Pakaian Malam (Mess Kit)	3,500.00
2.	Bantuan Bayaran Pakaian <i>Black Tie</i>	Pakaian separa rasmi barat	1,000.00
3.	Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi	Pakaian Kebangsaan, <i>Dark Lounge Suit</i> atau Pakaian Batik Malaysia (bagi lelaki)	650.00 (pegawai)
		Pakaian yang bersesuaian termasuk Pakaian Batik Malaysia (bagi wanita)	450.00 (pasangan)

9.8 Kemudahan ini adalah tertakluk kepada syarat umum seperti berikut:

- i. Kemudahan diberi setiap tiga (3) tahun sekali.
- ii. Tuntutan bayaran balik hendaklah disokong dengan resit dan maklumat mengenai jemputan ke upacara rasmi yang berkaitan atau surat arahan bertugas di Parlimen/ Dewan Undangan Negeri.
- iii. Penggunaan kemudahan ini hendaklah dicatatkan dalam Buku Perkhidmatan pegawai.

9.9 Kemudahan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat khusus seperti berikut:

a) Pakaian Istiadat

- i. Pakaian siang dan pakaian malam boleh dituntut bersekali atau berasingan dalam tempoh 3 tahun.
- ii. Pegawai yang telah diberi Bayaran Pakaian Istiadat tidak layak menuntut Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi dalam tempoh tiga (3) tahun yang sama.
- iii. Tempoh tiga (3) tahun dikira daripada tarikh tuntutan yang pertama sama ada pakaian siang atau pakaian malam.

b) Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi

- i. Pegawai Perkhidmatan Awam yang hadir sebagai Penerima Pingat/ Bintang Darjah Kebesaran di peringkat Persekutuan atau Negeri.
- ii. Pegawai Perkhidmatan Awam Gred 5 dan ke atas yang dikehendaki hadir bertugas sebagai Petugas Harian di Parlimen atau Dewan Undang Negeri.
- iii. Pegawai yang menerima bintang atau pingat dalam Majlis-majlis Istiadat Pengurniaan Bintang dan Pingat Persekutuan/ Negeri dan membawa pasangan bukan Pegawai Perkhidmatan Awam, tuntutan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi bagi pasangannya hendaklah dikemukakan kepada Jabatan pegawai. Bagi pasangan yang merupakan Pegawai Perkhidmatan Awam tuntutan perlu dikemukakan kepada Jabatan masing-masing.

- iv. Tempoh tiga (3) tahun dikira daripada tarikh tuntutan yang pertama sama ada bagi pegawai ataupun pasangan.

*Rujukan : Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia
Kemudahan Pakaian Dalam Perkhidmatan Awam*

Versi 1.0 (2024)

CERAIAN SR.1.2.2

10. TUNTUTAN BAYARAN BALIK PELBAGAI

- 10.1 Pegawai dan kakitangan yang diluluskan oleh Pegawai Pengawal atau Pegawai yang diberi kuasa dibenarkan untuk membayar menggunakan wang sendiri dan layak membuat tuntutan bayaran balik bagi tujuan berikut:

- a) Yuran Pendaftaran Kursus
- b) Yuran Pendaftaran/ Bil Hospital
